

Masyarakat Semenyih tidak tahan harta rosak akibat air melimpah ke dalam rumah

Penduduk rugi akibat banjir

Revisi 2/2/18
mls 14

Oleh AZHAR AHMAD

SEMENYIH - Gagasan Prihatin Semenyih (GPS) menggesa kerajaan Selangor segera memulihkan sistem saluran sungai di sekitar daerah ini bagi membanding masalah banjir yang menyebabkan kerugian besar kepada penduduk di sini.



ABDUL RAHMAN

Pengerusinya, Azman Ahmad mendakwa, daripada pemerhatian pihaknya, banjir itu dikatakan berpunca daripada projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Langat yang tidak selesai selepas dihentikan sejak 2016 oleh kerajaan negeri.

Katanya, sejak itu, banjir kerap berlaku di kawasan Beranang, Kajang dan Sungai Sekamat di Hulu Langat, Selangor.

Sungai Langat mengalir dari Gunung Nuang, Hulu Langat hingga ke Kuala Langat. Panjang sungai ini kira-kira 149.3 kilometer.

“Kerajaan Selangor telah mengarahkan supaya 33 sungai di bawah projek itu dikawal selia oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk dinaik taraf sebelum dihentikan sejak 2016 hingga menyebabkan banjir masih berlarutan.

“Ia bertambah buruk apabila banyak projek pembangunan dijalankan di hulu dan hilir sungai hingga mengakibatkan hakisan tanah dan pemendapan sungai,” dakwanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Tanjung Beranang, Mansor Yusof, 61, mendakwa, dia kerugian RM6,000 akibat banjir yang berlaku sebanyak dua kali sejak Oktober hingga Disember tahun lalu.

“Sepanjang 10 tahun menetap di sini, banjir tidak pernah berlaku. Bagaimanapun, sejak Oktober lalu, rumah saya dilanda banjir hingga merosakkan harta benda akibat paras air Sungai Sompul

berdekatan rumah yang semakin cetak telah melimpah,” katanya.

Tambahnya, dia telah membuat aduan kepada JPS supaya membina penutup palong bagi mengelakkan air sungai melimpah masuk ke rumah penduduk.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Kampung Sesapan Batu Rembau, Abdul Rahman Siarap, 65, memberitahu, dia kesal dengan kejadian tersebut.

“Keadaan sungai yang semakin tenat ditambah lagi dengan pelaksanaan projek perumahan di Hulu Beranang,” katanya.

Turut risau dengan keadaan itu ialah Pengetua Sekolah Tahfiz Anak Yatim Alkitab Beranang, Ahmad Asmadi Adnan, 50, yang memaklumkan pembinaan palong secara haram bersebelahan pusat tahfiz berkenaan menyebabkan air sungai melimpah ke tebing.

“Pembinaan palong sejak enam bulan lalu itu telah menyekat laluan air ke Sungai Air Putih yang jaraknya 160 meter dari sini,” katanya.



AZMAN (tengah) bersama penduduk melihat keadaan palong di Sungai Sompul di Semenyih semalam.